

1MDB: Najib tahu transaksi melibatkan akaun peribadinya

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediarnulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengetahui transaksi-transaksi yang berlaku mem-babitkan akaun peribadinya di Ambank.

Ini kerana, bekas Ahli Parlimen Pekan tersebut telah mengeluarkan beberapa cek daripada akaun berkenaan dan kad kredit yang dikaitkan dengan akaun terbabit juga telah digunakan.

Selain itu, bekas Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu Ging Ping yang menguruskan lima akaun peribadi Najib percaya apa yang dinyatakan oleh ahli perniagaan dalam bu-ruan, Low Taek Jho atau Jho Low mengenai akaun tersebut kerana 'tiada siapa yang akan menggunakan akaun PM untuk selewang wang'

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ging Ping ketika disoal balas oleh peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah di Mahkamah Tinggi di sini semalam.

"Bagi saya, beliau meng-etahui mengenai (transaksi) akaunnya kerana cek dikeluarkan dan kad kreditnya juga di-gunakan.

"Tidak terlintas di fikiran saya ada orang yang akan guna-kan akaun PM (Perdana Menteri) untuk selewang wang. Saya juga



NAJIB Tun Razak diiringi pegawai penjara ketika hadir pada perbicaraan kes rasuah 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

tidak terlintas seorang PM akan menyeleweng wang. Akaun ini (akaun peribadi Najib) diketuai oleh Bank Negara Malaysia, semua orang di bank (Ambank), semua memerhatikan akaun ini termasuk peringkat atasan," katanya.

Bagaimanapun saksi pendakwaan ke-41 tersebut menjelaskan, terdapat kemungkinan Najib tidak mengetahui mengenai akaun terbabit kerana terdapat beberapa cek dikeluarkan melebihi baki dalam akaun.

Ging Ping berkata demikian

pada perbicaraan kes Najib yang didakwa atas 25 pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh rasuah dan terlibat dalam pengubahan wang haram mem-babitkan dana syarikat 1MDB berjumlah RM2.3 bilion.

Saksi tersebut telah memberi keterangan selama 11 hari bermula 13 Oktober tahun lalu yang mana sembilan hari daripadanya adalah sesi soal balas.

Terdahulu saksi berkenaan memberitahu, dia mempercayai apa yang disampaikan oleh Jho

Low dan permintaan untuk me-rahsiaikan pemilik akaun adalah atas kehendak Najib sendiri.

Tambahnya, dia hanya mengikut arahan yang diberikan bagi menjaga kerahsian pemilik akaun.

Sepanjang perbicaraan 1MDB, pihak pembelaan mengatakan bahawa akaun peribadi milik Najib itu telah disalahgunakan oleh pihak tertentu termasuk Jho Low dan Ging Ping.

Perbicaraan berlangsung di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah.